

12 APR 1999

SEBAHAGIAN BESAR NGO PERLIS SOKONG KERAJAAN

KANGAR, 12 April (Bernama) -- Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Perlis menyatakan sokongan padu mereka kepada kerajaan.

Mereka berikrar akan sentiasa memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, sokongan itu dinyatakan pada perhimpunan patriotik rakyat Perlis di sini malam tadi.

Pengerusi jawatankuasa penganjur perhimpunan itu, Hashim Suboh berkata majlis itu diadakan bagi menyatakan sokongan NGO kepada kerajaan.

Hashim yang juga Pengerusi Gerakan Belia 4B Perlis berharap, rakyat dapat melihat dengan jelas, betapa kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional (BN) masih mendapat sokongan dan akan terus diberi sokongan.

Beliau kemudiannya menyerahkan sehelai bendera BN kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis, Datuk Bahari Taib sebagai simbolik sokongan itu.

Majlis itu turut diserikan dengan persembahan lagu-lagu puisi oleh kumpulan Koprata.

-- BERNAMA

AD RI